

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAH PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELANCARAN PENGUATKUASAAN PRIHATIN

PUTRAJAYA, 5 MAC 2021 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memperkenal dan melancarkan inisiatif baharu dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat peniaga bersasar iaitu PENGUATKUASAAN PRIHATIN sejajar dengan situasi semasa pada masa kini ekoran wabak Covid-19 yang melanda Negara.

2. PENGUATKUASAAN PRIHATIN adalah penguatkuasaan secara berimbang (*balance enforcement*) iaitu gabungan penguatkuasaan berhemah dan legalistik terhadap peniaga dari kumpulan sasar tertentu yang tidak patuh undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah KPDNHEP.
3. Objektif PENGUATKUASAAN PRIHATIN yang dihasratkan oleh Kementerian adalah bersifat “*ease of doing business*” yang berperanan :
 - i. Membantu peniaga dari kumpulan sasar yang terkesan akibat pandemik Covid-19 untuk meneruskan perniagaan;
 - ii. Membantu peniaga baharu yang menceburi bidang akibat kehilangan pekerjaan ekoran Covid-19;
 - iii. Merancakkan semula ekonomi perdagangan domestik Negara;

- iv. Menawarkan inisiatif-inisiatif penguatkuasaan baharu yang memberi impak positif kepada peniaga dari kumpulan sasar serta ekonomi Negara dan
 - v. Memberi advokasi kepada peniaga untuk mewujudkan pemahaman dan pematuhan perundangan di bawah KPDNHEP.
4. PENGUATKUASAAN PRIHATIN hanya akan dilaksanakan ke atas perniagaan kecil termasuklah premis terbuka, premis bermusim, gerai sementara, premis di kawasan pedalaman dan lain-lain jenis premis yang difikirkan perlu.
5. PENGUATKUASAAN PRIHATIN akan digunakan ke atas kesalahan-kesalahan yang bersifat kecil yang dilakukan oleh peniaga antaranya berkaitan penandaan harga barang dan caj perkhidmatan, penentusan alat timbang dan sukat, jualan murah dan jualan barang kawalan.
6. Kaedah penguatkuasaan baharu menerusi PENGUATKUASAAN PRIHATIN ini dapat memberi peluang dan ruang kepada peniaga dari kumpulan sasar tertentu untuk membuat tindakan pembetulan dan mematuhi peruntukan perundangan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Timbang dan Sukat 1972, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

7. Keperluan melindungi pengguna, membantu peniaga dan merancakkan perdagangan domestik adalah menjadi keutamaan tinggi oleh Kementerian. Keseimbangan peranan serta fungsi Kementerian terhadap pengguna dan peniaga perlu digerakkan dengan baik. Justeru itu, kami di Kementerian berterusan melaksanakan pendekatan/ inisiatif baharu, seperti PENGUATKUASAAN PRIHATIN ini, yang boleh beri manfaat kepada pengguna dan peniaga.
8. Harapan Kementerian adalah dengan pelaksanaan PENGUATKUASAAN PRIHATIN ini peniaga lebih bersedia melaksanakan kawalan kendiri sebagai peniaga yang beretika dan pengguna dapat menjalankan urus niaga belian dengan lebih bijak.

#####

**Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
(KPDNHEP)
Putrajaya**

5 Mac 2021

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

